



# PROSIDING

PERSIDANGAN KEBANGSAAN  
**KERJA SOSIAL**  
**2002**

**BELIA & NGO**  
Dalam kerja sosial : ISU, PERANAN & STRATEGI

13 - 15 OGOS 2002  
HOTEL LEGEND  
KUALA LUMPUR



MSC Status



Multimedia Super Corridor  
Multimedia Development Corporation

ANJURAN :  
PROGRAM PENGURUSAN KERJA SOSIAL  
&  
INSTITUT PEMBANGUNAN KELUARGA (INPEK)  
Sekolah Pembangunan Sosial  
Universiti Utara Malaysia

DISUNTING OLEH :  
NOOR AZNIZA ISHAK  
NAJIB AHMAD MARZUKI

# Penerapan Jati Diri Melalui Ilmu Bela Diri: Pendekatan Seni Silat Cekak Malaysia

Abdul Majid Ismail

*Dekan Pusat Pengajian Perumahan Bangunan dan Perancangan USM.  
Penasihat Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia USM dan  
YDP Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia Cawangan Pulau Pinang.  
Pengerusi Jabatan Pusat-Pusat Pendidikan Tinggi PSSCM &  
Jurulatih Seni Silat Cekak Malaysia  
Emel: abmajid@usm.my*

## Abstrak

Akhir-akhir ini kita sering diperdengarkan dengan permasalahan **kelunturan semangat sayang akan diri** anak muda kita, lantaran ramai dalam kalangan anak muda yang terjebak dengan pelbagai bentuk **gejala sosial dan keruntuhan akhlak**. Bermacam-macam lagi budaya negatif yang merosakkan nilai ketimuran dan agama telah menjangkiti anak muda kita. Apa sahaja yang datang dari barat dan luar negara dianggap kemajuan dan perlu ditiru dan yang ada pada diri kita semuanya mundur, ketinggalan zaman, tiada bernilai dan perlu dibuang. **Keadaan rendah diri tidak bertempat seperti ini merupakan satu bentuk penjajahan baru** dan perlu dikaji puncanya agar kaedah pencegahan dapat dicari. Punca kepada keadaan ini memang banyak sekali, namun **ketiadaan konsep sayang akan diri** inilah merupakan punca utamanya. Kertas ini membincangkan tentang konsep dan elemen jati diri dan ketahanan diri yang ada di dalam Seni Silat Cekak Malaysia. Seni Silat Cekak sebagai **wasilah** yang telah sedia **memiliki elemen jati dan ketahanan diri** sekiranya dihayati oleh pengamalannya akan dapat membendung diri daripada dirasuk oleh elemen luaran yang negatif dan sebaliknya menerima elemen positif yang selari dengan kehendak **agama Islam dan budaya Melayu** kita. Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia sebagai sebuah badan bukan kerajaan yang selama ini bergerak mempertahankan budaya asli yang positif juga mempunyai peranan penting membantu kerajaan menagani kelunturan jati diri bangsa Melayu.

## 1.0 Pengenalan

Isu dan permasalahan kelunturan semangat **sayang akan diri** anak muda kita kina kerap diperbincangkan dan dipolemikkan, lantaran ramai dalam kalangan anak muda yang terjebak dengan pelbagai bentuk gejala sosial dan keruntuhan akhlak. Sebagai contoh, di bandar besar dan kecil malahan di kampung pedalaman sekalipun, anak muda kita ramai yang terlibat dengan perlumbaan haram setiap malam minggu. Nyawa dibiarkan melayang begitu sahaja seolah-olah tidak ada harganya lagi atau dengan kata lain “mati katak” telah menjadi sesuatu yang lumrah. Bermacam-macam lagi budaya negatif yang merosakkan nilai ketimuran dan agama telah menjangkiti anak muda kita. Apa sahaja yang datang dari barat dan luar negara dianggap kemajuan dan perlu ditiru dan yang ada pada diri kita semuanya mundur, ketinggalan zaman, tiada bernilai dan perlu dibuang. Keadaan rendah diri tidak bertempat seperti ini merupakan satu bentuk penjajahan baru dan perlu dikaji puncanya agar kaedah pencegahan dapat dicari. Punca kepada keadaan ini memang banyak sekali, namun ketiadaan konsep sayang akan diri inilah merupakan punca utamanya.

Gejala **keruntuhan nilai** ini sebenarnya tidak hanya tertumpu dalam kalangan anak muda, tetapi juga dalam kalangan generasi tua yang berpendidikan tinggi dan kurang berpendidikan, yang berpangkat dan tidak berpangkat juga yang berkuasa besar dan kecil. Penyalahgunaan kuasa dan rasuah umpamanya kerap melanda golongan “professional” yang berpengaruh dan seterusnya mengakibatkan keruntuhan sesebuah institusi. Wang amanah simpanan rakyat juga boleh dengan sewenang-wenangnya menjadi